SIDANG KEMUNCAK-MAHATHIR'R'R'R
(I)

DARI OSMAN TAIB
1983

NEW DELHI, 7 MAC. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DIBERI PENGHORMATAN MEWAKILI KUMPULAN ASIAN UNTUK MENYOKONG PERLANTIKAN PERDANA MENTERI INDIA PUAN INDIRA GANDHI SEBAGAI PENGERUSI BARU PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI.

PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU BERKATA PUAN INDIRA GANDHI ADALAH CALON YANG PALING SESUAI BUKAN SAHAJA KERANA BELIAU ADALAH PEMIMPIN SEBUAH NEGARA YANG BESAR TETAPI JUGA KERANA PENGALAMAN DAN PENGETAHUANNYA YANG LUAS DALAM HAL EHWAL ANTARABANGSA.

MALAYSIA DAN LAIN-LAIN NEGARA ANGGOTA DI ASIA AKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH MEREKA DAN KERJASAMA KEPADA PENGERUSI BARU ITU UNTUK MEMIMPIN PERGERAKAN ITU KE ARAH KEMAJUAN. TAMBAHNYA. --BERNAMA
2005/MD